

21/05/2002

Dr Mahathir mulakan lawatan kerja ke Jepun

Saidon Idris

TOKYO, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, petang ini bagi lawatan kerja singkat selama tiga hari.

Ketibaan beliau disambut Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor.

Antara yang mengiringi Perdana Menteri ialah Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Ahmad Zaharuddin Idrus.

Lawatan singkat Dr Mahathir ke negara kuasa ekonomi kedua terbesar dunia itu bagi memenuhi jemputan untuk menyampaikan ucap tama pada Persidangan Nikkei Kelapan bertemakan "Masa Depan Asia - Kemunculan China dan Perubahan Rangka Kerja Serantau", esok.

Lawatan Perdana Menteri kali ini, iaitu yang pertama baginya tahun ini dilihat sebagai sesuatu yang bermakna kerana tahun ini adalah ulang tahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur.

Marzuki dalam taklimatnya kepada media Malaysia di sini, hari ini, berkata pada persidangan Nikkei itu, ucapan Perdana Menteri dijangka berkisar mengenai peluang dan cabaran yang bakal muncul berikutan kebangkitan China sebagai sebuah kuasa ekonomi baru dunia.

Malam ini, Dr Mahathir akan diraikan bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone pada satu jamuan malam.

Yasuhiro ialah Perdana Menteri Jepun ketika Malaysia melancarkan Dasar Pandang Ke Timur.

Marzuki berkata, esok Perdana Menteri dijadual bertemu dengan rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi di pejabat Perdana Menteri Jepun itu di Sori Kantei.

Beliau berkata, bagaimanapun tiada agenda khusus yang dibincangkan Dr Mahathir dengan Yasuhiro pada pertemuan itu nanti.

"Perdana Menteri mungkin hanya membincangkan perkara berkaitan perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara dan membuat susulan mengenai beberapa kerjasama yang pada dasarnya sudah dipersetujui," katanya.

Marzuki berkata, sebelum pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun itu, Dr Mahathir bersarapan pagi dengan Liga Rakan Parlimen Jepun-Malaysia (Malaysia Parliamentarian's Friendship League), di samping mengadakan sesi soal jawab dengan anggota liga berkenaan.

"Pertemuan ini penting kepada Perdana Menteri kerana ia memberi peluang beliau menerangkan mengenai dasar terkini negara kepada ahli liga yang terdiri daripada 25 ahli Parlimen Jepun yang turut disertai dua menteri kanan dan dua timbalan menteri," katanya.

Marzuki berkata, selepas pertemuan itu, Perdana Menteri akan diberi taklimat mengenai Pelan Induk Biovillage oleh Dr Kisho Kurokawa.

Pada sebelah petang pula, Perdana Menteri dijadual menerima kunjungan Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa.

Beliau juga dijadual ditemubual secara eksklusif oleh akhbar Nihon Keizai Shinbun dan stesyen televisyen NHK.

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan malam Persidangan Nikkei.

Turut hadir Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo yang dijadual menyampaikan ucapannya pada majlis itu dan Junichiro.

Pada hari terakhir lawatannya, Perdana Menteri akan berlepas ke Nagasaki bagi menyempurnakan majlis memberi nama kapal baru milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) di Loji Koyagi, Nagasaki

Shipyard & Machinery Works, Mitsubishi Heavy Industries Ltd.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Seoul, Korea Selatan bagi lawatan rasmi selama tiga hari ke republik itu.

Di Seoul, Perdana Menteri dijadual bertemu Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung, di samping mengadakan pertemuan pada majlis makan tengahari dengan empat persatuan perniagaan utama republik itu.

Persatuan itu ialah Persekutuan Perniagaan Kecil dan Sederhana Korea (KFSB), Persekutuan Industri Korea (FKI), Dewan Perdagangan dan Industri Korea (KCCI) dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA).

Di Korea Selatan, Perdana Menteri juga akan melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Hyundai Motor di Gyeonggi-do, LG Chemical Investment (LCCI) dan Inisiatif Pusat Penyelidikan Teknologi Satelit (SaTReCi) di Daejon.

(END)